

**PENGAMALAN NILAI-NILAI MURNI DALAM KURSUS TAMADUN ISLAM DAN  
TAMADUN ASIA (TITAS) KE ARAH PEMBENTUKAN SAHSIAH PELAJAR  
POLITEKNIK MALAYSIA**  
(Practice of Good Moral Values Through Islamic and Asian Civilization Course to Develop The  
Personality of Malaysian Polytechnic Students)

\*Mohd Azrul Jaafar<sup>1</sup>, Azrina Tahir<sup>2</sup>, Ahmad Firdaus Mohd Noor<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Am  
Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi  
31400 Ipoh, Perak, Malaysia.

<sup>2</sup>Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi  
Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi  
31400 Ipoh, Perak, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [mazrul7799@gmail.com](mailto:mazrul7799@gmail.com)

**Article History:**

Submit: 3 February 2017

Accepted: 6 February 2017

Revised: 21 February 2017

Published: 16 June 2017

*Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*

*Vol. 1, No. 1 (2017), 29-35*

**Abstrak**

Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) yang ditawarkan di semua Institut Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia mempunyai elemen penerapan nilai-nilai murni. Namun begitu, masalah keruntuhan akhlak seringkali berlaku dalam kalangan pelajar IPT berpunca daripada pengabaian nilai-nilai murni dalam diri kerana mengejar keseronokan, kemewahan, pangkat dan populariti. Justeru itu objektif utama kajian ini adalah mengenal pasti tahap kefahaman dan pengamalan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar berdasarkan kursus TITAS ke arah pembentukan sahsiah pelajar politeknik Ungku Omar. Kajian ini merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif. Satu set borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian diedarkan ke atas 100 orang pelajar di empat buah politeknik Malaysia. Data-data dianalisis melalui pendekatan statistik deskriptif dan statistik inferensi menggunakan perisian (SPSS) versi 21.0. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kefahaman nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar berada pada tahap sangat tinggi iaitu  $min=4.59$ ,  $sp=0.347$ . Begitu juga tahap pengamalan pelajar dengan skor  $min=4.47$ ,  $sp=0.449$  berada pada tahap sangat tinggi. Kajian ini memberi implikasi kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi di Jabatan Pendidikan Politeknik untuk menilai sumbangan kursus TITAS terhadap pembentukan personaliti pelajar di samping melakukan penambahbaikan ke atas kurikulum TITAS yang sedia ada untuk lebih mantap lagi. Begitu juga kepada para pendidik agar dapat memberi penekanan penerapan nilai-nilai murni kepada pelajar di dalam kelas. Aktiviti-aktiviti yang menggambarkan nilai-nilai murni perlu dipraktikkan dan diambil kira sebahagian daripada penilaian pemarkahan. Maka dengan ini pemahaman yang dipelajari dalam kelas dapat ditingkatkan dan dipraktikkan di luar bilik kelas dengan pelbagai cara yang bersesuaian dengan corak pembelajaran pelajar IPT.

**Kata Kunci:** Pengamalan, Nilai-nilai Murni, TITAS, Sahsiah, Pelajar

**Abstract**

*The Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) course which is offered in all institutes of higher learning (IHL) has the elements of internalizing moral values. Nevertheless, the collapse of morality have become synonym with these IHL students for the reason of pursuing happiness, luxurious life, power and popularity. Therefore, the main objectives of this study was to understand the level of understanding and practice of moral values among students based on this TITAS course as well as its relationship with motivating factors to practice moral values. This study research used the approach of quantitative method. A set of questionnaires was used as research instrument and distributed to 100 students in four polytechnics in Malaysia. The data collected was analyze through descriptive and inferential statistical approach using software (SPSS) version 21.0. The study found that the level of understanding moral values among students was at a very high level, with  $mean=4.59$ ,  $sd=0.347$ . Similarly, the practice of students with a mean score= $4.47$ ,  $sd=0.449$  was also very high. This study gives implications to the Ministry of Higher Education in Polytechnic Education Department to evaluate the contribution of TITAS course on personality development of students as well as making improvements to the existing curriculum to empower the course. Similarly, educators are expected to emphasize the internalization of*

*moral values in the classroom. Activities that reflect the values need to be practiced and considered part of students' evaluation of performance. So with students' understanding in the classroom can also be enhanced and practiced outside the classroom in various ways that are appropriate with the learning style of the IHL students.*

**Keywords:** Practice, Good Moral Value, TITAS, Personality, Student

## 1.0 PENGENALAN

Masalah keruntuhan akhlak seringkali berlaku dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Seri Kartini (2012) mendapati bahawa sebahagian pelajar politeknik tidak menghayati pengamalan akhlak dengan baik. Menurut beliau lagi pengamalan akhlak pelajar yang tinggal di luar asrama berada pada tahap yang rendah. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar di politeknik mengalami krisis pemahaman dan penampilan akhlak sejajar dengan tuntutan Islam.

Berita Harian (2014), menjelaskan kadar statistik menunjukkan pada tahun 2012, hanya 368 kanak-kanak atau pelajar yang terlibat dalam kegiatan jenayah, namun jumlah itu meningkat kepada 542 pelajar pada 2013 iaitu peningkatan sebanyak 47 peratus. Bagi pelajar yang tercicir atau drop out dan melakukan jenayah, pada tahun 2012 seramai 849 orang yang terlibat dan pada tahun 2013, ia meningkat seramai 2,011 orang, meningkat sebanyak 137 peratus. Sebagai contoh pada tahun 2012 jenayah pemerkosaan atau rogol yang melibatkan melibatkan pelajar adalah seramai 113 orang dan 218 orang pada tahun 2013. Sementara itu jenayah yang mendatangkan kecederaan seramai 244 orang pada 2012 dan 700 orang pada tahun 2013. Selain itu, peningkatan kes jenayah bunuh yang melibatkan golongan pelajar meningkat kepada 20 peratus iaitu 10 kes pada 2012 dan meningkat kepada 12 kes pada tahun 2013.

Malek Bennabi (1998) menyatakan bahawa keruntuhan akhlak merupakan punca sebenar kepada kemusnahan sesebuah masyarakat kerana keruntuhan nilai akhlak akan melemahkan setiap sendi sesebuah masyarakat. Hal ini turut dikongsikan oleh Wan Asrul Asmi (2008), yang menyatakan kekurangan penghayatan nilai-nilai murni dalam diri golongan muda menjadi faktor kepada gejala sosial. Bagi menghadapi semua cabaran ini, kekuatan rohani pelajar perlu dipupuk melalui pembelajaran dalam kelas seperti kursus TITAS yang mengandungi elemen nilai-nilai murni. Sahsiah diri yang mantap akan bertindak sebagai benteng untuk melawan sebarang ancaman yang merosakkan nilai-nilai murni dan etika dalam diri mereka.

Diperingkat IPT khususnya di politeknik Malaysia, kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) adalah kursus yang wajib diambil oleh pelajar. Pendidikan nilai, sahsiah, akhlak atau moral didedahkan secara langsung kepada pelajar melalui kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Menurut Osman et al. (2009) permasalahan yang timbul ialah mampukah keunikan kandungan kursus ini difahami dan dihayati pelajar IPT agar hasrat dan dasar negara untuk melahirkan cendekiawan dan bangsa yang mulia dapat direalisasikan. Menurut Faridah & Fakhru (2012) terdapat beberapa unsur dalam pembelajaran TITAS iaitu agama dan kepercayaan, institusi kekeluargaan, jihad dan sains dan teknologi telah dikenal pasti memberi sumbangan terhadap pembentukan peribadi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar. Oleh itu kajian ini mengenal pasti sejauhmana tahap kefahaman dan pengamalan nilai-nilai murni dalam kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) ke arah pembentukan sahsiah pelajar Politeknik Malaysia.



Rajah 1 Kerangka konseptual pengamalan nilai-nilai murni dalam kursus TITAS ke arah pembentukan sahsiah pelajar politeknik

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian bagi mengukur tahap pengamalan nilai-nilai murni berdasarkan kursus TITAS.

Pengkaji memilih untuk menggunakan skala persetujuan lima skala *Likert* untuk mengukur item soal selidik dalam kajian ini iaitu: (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Tidak Pasti, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju. Soal selidik ini menggambarkan ukuran perspektif responden yang merupakan pelajar kursus TITAS di politeknik Malaysia. Menurut Cohen et al. (2007) skala *Likert* ini sesuai digunakan bagi mengukur pandangan yang diberikan tentang sesuatu amalan, persepsi dan sikap.

Data dianalisis secara deskriptif untuk mencari peratusan dan frekuensi. Bagi tujuan interpretasi data deskriptif, dapatan analisis berpandukan kepada jadual skor min Jainabee & Jamil (2009) seperti yang dinyatakan dalam jadual 1.

Jadual 1 Skala Interpretasi Skor Min

| Skor Min    | Tahap         |
|-------------|---------------|
| 1.00 – 1.80 | Sangat Rendah |
| 1.81 – 2.60 | Rendah        |
| 2.61 – 3.40 | Sederhana     |
| 3.41 – 4.20 | Tinggi        |
| 4.21 – 5.00 | Sangat Tinggi |

Sumber: Jainabee & Jamil (2009)

### 3.0 DAPATAN KAJIAN

Analisis deskriptif yang digunakan adalah seperti frekuensi peratusan dan min bagi menghuraikan item setiap konstruk yang diuji. Dapatan kajian adalah seperti berikut:

Jadual 2 Menunjukkan analisa tahap kefahaman nilai-nilai murni berdasarkan kursus TITAS di politeknik Malaysia.

| Bil | Item                | Min  | SP    | Int           |
|-----|---------------------|------|-------|---------------|
| 1   | Nilai persamaan     | 4.84 | 0.368 | Sangat Tinggi |
| 2   | Nilai hormat        | 4.85 | 0.359 | Sangat Tinggi |
| 3   | Nilai ikhlas        | 4.75 | 0.435 | Sangat Tinggi |
| 4   | Nilai jati diri     | 4.53 | 0.627 | Sangat Tinggi |
| 5   | Nilai silaturrahim  | 4.47 | 0.688 | Sangat Tinggi |
| 6   | Nilai toleransi     | 4.56 | 0.592 | Sangat Tinggi |
| 7   | Nilai kesedaran     | 4.47 | 0.611 | Sangat Tinggi |
| 8   | Nilai syukur        | 4.45 | 0.626 | Sangat Tinggi |
| 9   | Nilai persefahaman  | 4.45 | 0.687 | Sangat Tinggi |
| 10  | Nilai tanggungjawab | 4.57 | 0.555 | Sangat Tinggi |
|     | Min Keseluruhan     | 4.59 | 0.347 | Sangat Tinggi |

Dalam jadual 2 menunjukkan perincian skor min tahap kefahaman pelajar terhadap nilai-nilai murni berdasarkan pengajian kursus TITAS. Skor min sangat tinggi dicatatkan pada bacaan (min=4.85) (sp=0.359) diperolehi pada item dua iaitu berhubung dengan nilai hormat-menghormati pelbagai kaum. Seramai 85 orang responden atau 85% menyatakan sangat setuju manakala hanya 15 orang responden atau 15% menyatakan setuju dalam memahami bahawa sikap saling hormat-menghormati perlu dikekalkan bagi mewujudkan keharmonian antara pelbagai kaum. Hakikatnya sikap hormat-menghormati antara kaum merupakan satu cara yang berkesan untuk mengekalkan perpaduan kaum masyarakat Malaysia.

Berbeza pada item lapan dan sembilan menunjukkan min yang sama iaitu (min=4.45) (sp=0.626) adalah pada bacaan min yang terendah berbanding dengan item-item yang lain. Pada item lapan majoriti responden bersetuju iaitu 93 % berbanding 7% yang tidak pasti. Hal ini kerana pelajar kurang kesedaran tentang kepentingan nilai syukur. Hakikatnya nilai syukur perlu dijadikan contoh dalam diri setiap pelajar sebagaimana kejayaan yang tonjolkan oleh tokoh-tokoh silam dalam menerajui ciptaan sains teknologi pada zaman tersebut. Manakala item sembilan dengan (min=4.45) (sp=0.687) berada pada interpretasi tahap sangat tinggi terhadap nilai persefahaman antara satu sama lain yang perlu wujud melalui dialog berterusan antara pelbagai budaya dalam melahirkan masyarakat yang berakhlak dan bermoral. Walau bagaimanapun hanya sedikit golongan minoriti yang tidak pasti iaitu 5% dan tidak bersetuju mewakili 2% sahaja.

Berdasarkan item satu, jelas sekali 100% pemahaman responden bersetuju terhadap nilai persamaan yang wujud dalam diri masing-masing iaitu tentang seruan agama terhadap penganutnya melakukan perkara kebaikan. Ini bermakna tiada satu pun agama yang mengarahkan penganutnya untuk melakukan kerosakan dan kejahatan di dunia ini.

Demikian juga pada item tiga, merujuk kepada nilai keikhlasan dalam setiap amalan yang dikerjakan. Para responden bersetuju 100% dan ini menunjukkan pemahaman yang jelas responden

terhadap nilai ikhlas yang dijelmakan dalam aktiviti harian mampu melahirkan bangsa Malaysia yang bertamadun tinggi.

Kesimpulan daripada analisa data soal selidik berhubung kefahaman pelajar terhadap nilai-nilai murni melalui pembelajaran kursus TITAS didapati berada pada tahap interpretasi sangat tinggi dengan min keseluruhan (min=4.59, sp=0.347).

Jadual 3 Menunjukkan analisa tahap pengamalan nilai-nilai murni berdasarkan kursus TITAS di politeknik Malaysia.

| Bil | Item                | Min  | SP    | Int           |
|-----|---------------------|------|-------|---------------|
| 1   | Nilai persamaan     | 4.65 | 0.520 | Sangat Tinggi |
| 2   | Nilai hormat        | 4.59 | 0.534 | Sangat Tinggi |
| 3   | Nilai ikhlas        | 4.39 | 0.584 | Sangat Tinggi |
| 4   | Nilai jati diri     | 4.59 | 0.514 | Sangat Tinggi |
| 5   | Nilai silaturrahim  | 4.59 | 0.552 | Sangat Tinggi |
| 6   | Nilai toleransi     | 4.51 | 0.595 | Sangat Tinggi |
| 7   | Nilai kesedaran     | 4.15 | 0.796 | Tinggi        |
| 8   | Nilai syukur        | 4.39 | 0.709 | Sangat Tinggi |
| 9   | Nilai berbudi mulia | 4.14 | 0.792 | Tinggi        |
| 10  | Nilai tanggungjawab | 4.67 | 0.620 | Sangat Tinggi |
|     | Min Keseluruhan     | 4.47 | 0.449 | Sangat Tinggi |

Dalam jadual 3 menunjukkan perincian skor min tahap pengamalan pelajar terhadap nilai-nilai murni berdasarkan pengajian kursus TITAS. Skor min yang paling tinggi adalah pada item sepuluh (min=4.67) (sp=0.620) nilai tanggungjawab iaitu *“berkawan dengan orang yang dapat membimbing kepada kebaikan”*. Ini menunjukkan tahap pengamalan responden seramai 72% bersetuju dan 25% bersetuju dengan cara memilih kawan yang membimbing ke arah kebaikan dapat meningkatkan amalan nilai-nilai murni. Manakala selebihnya 2% tidak pasti dan hanya 1% tidak bersetuju dengan item tersebut. Bagi responden yang tidak bersetuju dengan item tersebut mungkin mereka berpendapat untuk menerapkan nilai tanggungjawab tidak semestinya dalam perkara memilih kawan yang baik dan terdapat elemen-elemen lain yang menyumbang kepada penerapan nilai tanggungjawab. Seterusnya diikuti dengan nilai persamaan iaitu pada item satu *“saya berusaha mengelakkan diri daripada melakukan perkara buruk”* dengan mencapai skor min (min=4.65) (sp=0.520). Seramai 67% responden sangat bersetuju, diikuti dengan 31% bersetuju. Walau bagaimanapun terdapat 2% dalam kalangan responden tidak pasti dalam mengamalkan perkara tersebut. Keadaan ini berlaku adalah mungkin kerana pengaruh daripada rakan sebaya. Menurut Sharifah Raudhah (2007), punca masalah salah laku pelajar dalam konteks pembentukan personaliti adalah bertitik tolak kepada peranan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya dan faktor iklim persekitaran di sekolah termasuklah sikap guru. Zulkifli (2004) juga mempunyai pandangan yang sama. Pada usia remaja, mereka mudah terpengaruh dengan kelakuan kawan-kawan dan mengikuti apa yang kawan mereka lakukan seperti meniru gaya percakapan, suka melanggar disiplin politeknik dan juga bergaduh. Walau bagaimanapun hasil kajian menunjukkan majoriti responden mempraktikkan item satu selaras dengan pemahaman mereka terhadap nilai-nilai murni.

Seterusnya terdapat tiga item yang mempunyai skor min yang sama iaitu nilai jati diri pada item empat iaitu nilai jati diri dengan skor min (min=4.59) (sp= 0.514). Seramai 60% responden sangat setuju, 39% bersetuju dan 1% tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Kemudian diikuti dengan nilai hormat pada item dua *“Saya mengamalkan sikap hormat-menghormati antara rakyat Malaysia pelbagai kaum”* dengan mencapai skor min (min=4.59) (sp=0.534). Jelas menunjukkan 61% responden sangat setuju, diikuti dengan 37% setuju dan 2% tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Yahya & Rozita (2003) nilai hormat-menghormati selalu dihayati oleh responden kerana mereka merasakan perlu menghargai serta memuliakan pensyarah dan pembantu di bengkel semasa menjalankan amali agar pembelajaran dapat berjalan dengan lancar. Nilai yang berikutnya iaitu nilai silaturrahim pada item 5 *“Saya menjaga hubungan silaturrahim sesama manusia”* dengan mencapai skor min (min=4.59) (sp=0.552). Dapatan kajian menunjukkan bahawa 62% responden sangat bersetuju, diikuti dengan 35% bersetuju dan 3% lagi tidak pasti dengan pengamalan nilai tersebut.

Bagi nilai toleransi dapatan kajian menunjukkan skor (min=4.51) (sp=0.595) pada item enam *“Saya mengamalkan sikap toleransi dalam mengekalkan perpaduan antara kaum”*. Hasil analisis menunjukkan 56% responden menyatakan sangat bersetuju, diikuti dengan 39% lagi bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hanya 5% responden menyatakan tidak pasti dalam mengamalkan nilai toleransi mampu mengekalkan perpaduan antara kaum. Seterusnya diikuti dengan nilai keikhlasan pada item tiga dapatan kajian menunjukkan skor (min=4.39) (sp=0.584) menunjukkan bahawa 44% responden sangat

bersetuju dan 51% lagi bersetuju. Manakala hanya 5% responden tidak pasti terhadap item “Saya melakukan kerja dengan penuh keikhlasan”. Menurut M. Ali (1997) bagi mereka yang melakukan sesuatu kerja dengan penuh keikhlasan dirinya sentiasa bebas daripada kesulitan. Berikutnya adalah nilai syukur iaitu pada item lapan “*Saya menghargai ciptaan sains teknologi hari ini hasil dari sumbangan tokoh tamadun terdahulu*”. Hasil kajian menunjukkan capaian skor (min=4.39) (sp=0.709). Seramai 51% responden menyatakan sangat bersetuju dan 38% lagi bersetuju. Manakala 10% responden menyatakan tidak pasti dan 1% lagi tidak bersetuju dengan item tersebut. Memetik dari kenyataan Abdul Rahman (1993) seseorang yang menunjukkan rasa penghargaan adalah dengan melahirkan sikap kesyukuran. Bagi mereka yang tidak bersetuju dengan kenyataan di atas ini mungkin kerana responden tersebut tidak menumpukan perhatian semasa proses pembelajaran di dalam kelas. Pada hakikatnya nilai syukur adalah sangat dituntut dalam setiap ajaran pelbagai agama. Sebagaimana yang dijelaskan oleh M. Ali (1997) sebagai tanda kesyukuran ke atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT adalah dengan cara mempergunakan nikmat itu dengan sebaik-baiknya. Apa pun yang dikurniakan oleh pencipta hendaklah memanfaatkan dan memeliharanya seperti pancaindera, harta benda, ilmu pengetahuan dan sebagainya.

Terdapat dua item yang menunjukkan bacaan min terendah iaitu pada item ketujuh dengan bacaan (min=4.15) (sp=0.796) dan item kesembilan (min=4.14) (sp=0.792). Pada item tujuh iaitu nilai kesedaran “*saya mengajak rakan-rakan untuk melakukan kerja amal*” hanya 79% yang bersetuju dan mempraktikkannya manakala 19% tidak pasti dan 2% menyatakan tidak bersetuju. Demikian juga pada item sembilan nilai berbudi mulia iaitu “*saya menghindari percakapan yang menyakitkan hati rakan*”. Hasil kajian menunjukkan nilai berbudi mulia berada pada kedudukan terakhir dengan mencapai skor (min=4.14) (sp=0.792) iaitu 38% responden sangat bersetuju dan diikuti dengan 39% bersetuju. Manakala 22% responden menunjukkan reaksi sebaliknya iaitu tidak pasti dan 1% tidak bersetuju dengan item tersebut.

Secara keseluruhannya, analisa data soal selidik berhubung pengamalan pelajar terhadap nilai-nilai murni melalui pembelajaran kursus TITAS didapati berada pada tahap interpretasi sangat tinggi dengan min keseluruhan (min=4.47, sp=0.449).

#### 4.0 PERBINCANGAN KAJIAN

Kajian ini membincangkan tentang kefahaman dan pengamalan nilai-nilai murni dalam kursus TITAS ke arah pembentukan sahsiah pelajar di politeknik Malaysia. Berdasarkan kepada hasil kajian mengenai tahap kefahaman dan pengamalan nilai murni dalam kursus TITAS, secara keseluruhannya berada pada tahap sangat tinggi. Dapatan ini dibuktikan dengan nilai skor min yang diperoleh bagi setiap konstruk berada di tahap yang sangat tinggi. Ini menunjukkan bahawa elemen-elemen nilai murni seperti dalam konstruk kepercayaan agama, akhlak serta moral berada di tahap yang sangat tinggi dan boleh diterapkan dalam kalangan pelajar. Jika dilihat pada setiap item dan apabila disusun skor min yang tertinggi adalah kefahaman terhadap nilai hormat, diikuti dengan nilai persamaan terhadap seruan setiap agama mengajak kepada kebaikan, seterusnya nilai ikhlas dalam amalan harian, nilai tanggungjawab, nilai toleransi, nilai jatidiri, nilai kejayaan, nilai silaturrahim, nilai syukur dan nilai persefahaman.

Dapatan kajian ini sejajar dengan pandangan Abd. Rahim (2001) pelajar perlu digalakkan mencontohi dan mengamalkan nilai-nilai yang baik sebagai satu penghayatan keterampilan diri dan kualiti warganegara yang baik serta prihatin terhadap soal-soal kehidupan dan pembinaan diri. Nilai-nilai murni perlu ditanam, diasuh dan dibentuk dalam diri seorang pelajar kerana mereka adalah nadi kepada pembangunan negara pada masa hadapan (Ahmad Firdaus, 2017).

Demikian juga hasil analisis tahap pengamalan nilai-nilai murni mendapati bahawa berada pada tahap yang sangat tinggi. Dalam erti kata lain kefahaman pelajar terhadap nilai-nilai murni dapat dizahirkan dengan amalan dalam kehidupan harian. Dapatan ini dibuktikan dengan nilai min tahap pengamalan nilai murni yang diperolehi dari kalangan responden berada di tahap yang sangat tinggi. Dapatan ini juga selari dengan hasil analisis dapatan kajian mengenai tahap kefahaman nilai murni yang secara keseluruhannya berada pada tahap sangat tinggi. Dapatan ini secara tidak langsung boleh memberikan andaian bahawa tahap pengamalan nilai murni pelajar mempunyai hubungan yang rapat dengan tahap kefahaman nilai murni dalam kalangan responden kajian ini. Dapatan ini juga turut diakui oleh Abd Rahim (2001) bahawa penghayatan nilai-nilai yang baik atau nilai-nilai murni dalam proses pembelajaran amat penting supaya dapat disebatikan dengan perkembangan diri seseorang.

Nilai-nilai murni merupakan aspek penting dalam pembinaan sahsiah individu. Pembentukan nilai-nilai murni dalam diri perlu didorong dengan pelbagai faktor sama ada dalaman atau luaran. Oleh itu, menurut Ahmad Umar (1997) dan Ahmad Firdaus (2017), pembentukan sahsiah yang mulia amat ditekankan oleh Islam kerana sahsiah yang mantap pasti dapat melahirkan kebenaran terhadap segala tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Justeru itu, penekanan dan penyampaian yang

baik semasa proses pembelajaran kursus TITAS membolehkan nilai-nilai murni disebutkan dalam perkembangan diri pelajar. Pandangan yang sama juga turut dikongsi oleh Sidek Baba (2006) yang menyatakan bahawa aspek penghayatan merupakan peringkat terakhir dalam proses pembelajaran kerana ia berupaya mengaplikasikan semua ilmu yang dipelajari dalam konteks menjalani kehidupan seharian.

## 5.0 KESIMPULAN

Ringkasnya hasil kajian ini membuktikan bahawa tahap kefahaman dan pengamalan nilai-nilai murni dalam kursus TITAS politeknik Malaysia berada pada tahap sangat tinggi dan seterusnya boleh membentuk sahsiah diri pelajar yang cemerlang. Kajian ini juga secara tidak langsung menunjukkan relevanan kursus TITAS dalam membentuk nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar pelbagai latar belakang anutan agama. Pendapat yang sama juga diutarakan oleh Nor Hayati (2015) dengan hasil kajiannya mendapati relevanan objektif kurikulum TITAS Politeknik dan isi kandungan kurikulum TITAS di Politeknik Malaysia berada di tahap tinggi. Hasil kajian ini, secara tidak langsung menolak pandangan segelintir pihak yang mendakwa gejala sosial yang berlaku akibat daripada kandungan kursus yang tidak relevan di IPT.

Kajian ini juga membuktikan bahawa terdapat ruang yang luas untuk memupuk dan membentuk sahsiah pelajar melalui penerapan nilai-nilai murni berasaskan kursus TITAS di IPT. Oleh yang demikian itu, Kementerian Pendidikan Tinggi khususnya Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) Bahagian Kurikulum seharusnya menyemak dan menyusun semula semua kursus atau program yang ditawarkan di politeknik agar berperanan sama dalam membentuk sahsiah pelajar dengan nilai-nilai murni yang terdiri daripada golongan pelajar pelbagai bangsa dan agama.

## 6.0 RUJUKAN

- Abdul Rahman Md Aroff. (1993). Pengetahuan moral. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abd Rahim Abd Rashid. (2001). Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor. (2017). Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam Di Politeknik Satu Kajian Kes. Tesis PhD. UTM Skudai.
- Ahmad Umar Hashim. (1997). Islam wa Binaa Syakhsyyah. Beirut: World of Books.
- Berita Harian. 2014. 29 Mac.
- Cohen, L. Manion, L. & Morrison, K. (2007). Research Methods in Education. New York: Routledge Falmer & Francis Group.
- Faridah Che Husain & Fakhrul adabi Abdul Kadir. (2012). Sumbangan pengajian kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) terhadap pembentukan hati budi mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. Jurnal Al-Tamaddun 7(1): 15-35.
- Jainabee Kassim & Jamil Ahmad. 2009. Kualiti kepimpinan Pengetua Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Zon Selatan, Malaysia. Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-16 Auditorium Dato' Razali Ismail, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands, 21-24 Julai.
- Malek Benabi. (1998). On the Origins of Human Society. Terj. Mohamed Tahir El-Mesawi. Kuala Lumpur: The Open Press.
- M. Ali Hasan. (1997). Tuntunan Akhlak. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Nor Hayati Fatmi. (2015). Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Tesis PhD. UKM Bangi.
- Osman Bakar, Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad. (2009). Modul Pengajian Tamadun Islam Dan Tamadun Asia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Seri Kartini Juraimi. (2012). Pengamalan Ajaran Islam Dalam Kalangan Pelajar Melalui Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak. Tesis Sarjana. UKM Bangi.
- Sharifah Raudzah Syed Junid. (2007). Faktor Yang Mempengaruhi Salah Laku Pelajar Dan Hubungan Dengan Personaliti Pelajar. Laporan Projek Ijazah Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sidek Baba. 2006. Pendidikan Rabbani. Shah Alam: Karya Bestari Sdn Bhd.
- Wan Asrul Asmi Wan Ishak. (2008). Penghayatan Nilai-Nilai Murni Sebagai Satu Pendekatan Dalam Mengatasi Masalah Sosial Pelajar. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Yahya Buntat & Rozita Sanapi. (2003). Tahap penghayatan Nilai-Nilai Murni Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Semasa Menjalankan Kerja Amali Bengkel. Jurnal Teknologi, 39 (E) Disember : 63-76.

Zulkifli Hasanuddin. (2004). Sahsiah Pelajar Kelas Aliran Agama dan Bukan Aliran Agama di Sek. Men. Seremban, Negeri sembilan. Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya.